

30/09/2000

Konflik Gerakan, MCA tumpuan akhbar Cina

Teh Kean Kiat

PERTELINGKAHAN antara Gerakan dan MCA sekali lagi tercetus ketika mesyuarat agung Gerakan ke-29 di Pulau Pinang.

Menurut laporan China Press, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik memberi amaran kepada MCA supaya jangan menikam parti itu dari belakang kerana mereka membalas balik.

Dr Lim dipetik sebagai berkata, Gerakan tidak akan melepaskan kuasa kepada mana-mana parti politik yang ingin memerintah Pulau Pinang dengan sewenang-wenangnya.

Beliau turut memberi amaran kepada pihak yang memandang rendah Gerakan supaya tidak menganiayai Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon untuk mendapat jawatan itu. Gerakan juga tidak akan bermusuhan dengan parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Lim menyifatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Keramat dan Bayan Lepas, Lim Boo Chang dan Lim Chien Aun, yang keluar parti itu dan menyertai MCA sebagai mengkhianati Gerakan.

Selain itu, China Press terbitan Jumaat lalu, melaporkan Biro Publisiti Gerakan dalam kenyataannya berkata, MCA yang mendakwa begitu mementingkan rakyat dan bekerja dari 1 haribulan hingga 30 haribulan bukan sebenarnya kuat bekerja, sebaliknya rajin untuk merebut kuasa demi memenuhi kehendak sendiri.

Dalam pada itu, bendahari Kebangsaan DAP, Fong Kui Lun dipetik China Press sebagai berkata, pertelingkahan antara MCA dan Gerakan memberi pengundi gambaran jelas mengenai wajah sebenar pemimpin kedua-dua parti politik itu.

Sementara itu, China Press edisi Isnin melaporkan bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdullah Ahmad mendedahkan bekas Presiden MCA, Tan Sri Lee San Choon pada 1963, pernah mencadangkan Perdana Menteri pada masa itu, Tun Hussein Onn memilih Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Abdullah dipetik sebagai berkata, Lee yang pada masa itu adalah Presiden MCA, berharap Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri kerana beliau tidak mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Musa Hitam atau pemimpin Umno yang radikal memimpin negara ini.

Katanya, Tun Hussein pada masa itu ada dua pilihan iaitu Naib Presiden Umno yang mendapat pencalonan kedua tertinggi, Tengku Razaleigh dan ketiga tertinggi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, Tun Ghafar Baba yang mendapat pencalonan tertinggi sebagai Naib Presiden Umno tidak mendapat perhatian Tun Hussein kerana masalah pendidikannya.

Menurut Abdullah, Tengku Razaleigh tidak dipilih kerana pada 1974 beliau pernah menolak tawaran daripada Tun Razak dan tidak berkhidmat dalam Kabinet.

Bagaimanapun, China Press edisi Jumaat melaporkan MCA di bawah pimpinan Lee pada masa itu memandang tinggi Tun Ghafar untuk menjawat Timbalan Perdana Menteri.

Menurut seorang pemimpin tertinggi pada zaman Lee memimpin MCA, kenyataan Abdullah salah kerana Tun Ghafar pada masa itu yang juga Naib Presiden Umno dan Setiausaha Agung BN, dipandang tinggi pemimpin MCA.

Dalam isu Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu), ketiga-tiga akhbar Cina melaporkan Pemuda Umno menerima 17 tuntutan dasar Suqiu tetapi mereka harus mengadakan perbincangan untuk

mengetahui lebih lanjut mengenai 84 agenda kecilnya.

Dalam perkara sama, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, ahli Umno sedia menerima tindakan undang-undang jika perhimpunan yang diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor pada 18 Ogos lalu, menyalahi undang-undang.

Selain itu, Hishammuddin turut mengalu-alukan Pas untuk mengadakan dialog mengenai isu hak keistimewaan orang Melayu.

Hishammuddin dipetik China Press keluaran Sabtu sebagai berkata, selagi Pas tidak berniat politik atau berfikiran sempit, beliau pada bila-bila masa sedia mengetuai rombongannya mengadakan dialog terbuka mengenai isu itu.

(END)